KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI & KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024
SIRI PENDIDIKAN
SIRI 10
COMPANIES (AMENDMENT) ACT 2024

# AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

## Kluster Polisi 3 :Memperkukuh Kerangka Pelaporan Pemunyaan Benefisial

### Polisi sedia ada :

- **Seksyen 56 Akta Syarikat 2016** telah memperkenalkan kerangka pelaporan benefisial di mana syarikat dikehendaki mendapatkan maklumat pemunya benefisial, merekod serta melaporkan maklumat tersebut kepada Pendaftar
- Terdapat jurang perundangan yang perlu diatasi supaya selaras dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa seperti yang dianjurkan oleh agensi antarabangsa seperti FATF dan OECD. Pemunya benefisial adalah individu atau orang perseorangan yang akhirnya memiliki atau mengawal sesebuah entiti.

### Pembaharuan :

- Meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan SSM dan membantu agensi penguatkuasaan dan kawal selia termasuk PDRM, BNM dan SPRM untuk memudahkan siasatan dan membanteras jenayah serius yang berselindung di sebalik entiti perniagaan seperti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.